

Kuala Lumpur

Kerajaan akan menubuhkan Majlis Tindakan Kemakmuran Bersama (MTKB) yang akan bertindak sebagai satu mekanisme pemantauan peringkat tertinggi supaya objektif Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) dapat dicapai.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, WKB2030 adalah dasar teras dalam pembangunan negara untuk tempoh 10 tahun akan datang.

“Maka MKTB perlu ditubuhkan supaya ia dapat memberi impak positif secara langsung kepada rakyat dan negara.

“(MKTB) yang akan dipengerusikan oleh saya sendiri, yang mana Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama (Sepadu) pula akan bertindak sebagai sekretariat majlis serta jawatankuasa-jawatankuasa di bawahnya.

“Sepadu telah ditubuhkan sejak Mac lalu untuk menerajui fungsi koordinasi dan pemantauan pelaksanaan program, inisiatif, projek di bawah WKB2030,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di sesi Balai Rakyat MakmurBersama@Kuala Lumpur anjuran Institut Masa Depan Malaysia (Institut Masa) di sini, semalam.

Majlis turut dihadiri Menteri Kanan Pendidikan, Dr Radzi Jidin dan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Saifuddin Abdullah.

Katanya, bagi memastikan objektif yang ditetapkan dalam WKB2030 tercapai, setiap pihak yang terbabit dalam pelaksanaan program, projek dan inisiatif wawasan itu juga akan diberi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan sasaran mengikut kluster 15 Aktiviti

Objektif makmur bersama

*MKTB diwujudkan
pantau objektif
WKB2030*



MUHYIDDIN berucap di sesi Balai Rakyat MakmurBersama@Kuala Lumpur, semalam.

Pertumbuhan Ekonomi Utama.

Pada masa sama, Muhyiddin yang juga pengasas Institut Masa berkata, kerajaan menyedari pandemik Covid-19 memberikan kesan terhadap beberapa teras strategik WKB 2030 selain menyebabkan banyak sektor ekonomi di negara ini turut terjejas.

“Sektor-sektor ekonomi kita terjejas dan pada masa ini berada dalam proses pemulihan. Saya merasakan pelaksanaan inisiatif-inisiatif bawah WKB2030 seperti yang ditentukan di peringkat awal wawasan ini digubal, mungkin perlu diteliti semula dengan mengambil kira kesan pandemik Covid-19,” katanya.

Beliau berkata, masalah itu kini sedang giat dita-

ngani menerusi inisiatif Pakaj Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana).

Muhyiddin berkata, sebagai contoh bagi Teras 1 dan 2 WKB2030 iaitu ekosistem perniagaan dan industri serta aktiviti pertumbuhan ekonomi utama, kerajaan melalui Geran Khas Prihatin (Perusahaan Kecil dan Sederhana Mikro) menyalurkan bantuan kewangan secara sekali beri khusus untuk meringankan beban kewangan perniagaan yang terjejas akibat wabak Covid-19.

Perdana Menteri juga berkata, di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, tiada siapa akan ketinggalan.

“Kemakmuran adalah bu-

ta warna. Ia tidak sepatutnya mendiskriminasi sesiapa pun. Anda semua, tidak kira sama ada Melayu, Cina, India, Sikh, Iban, Kadazan, Dusun, Murut, Bidayuh, Bajau, Melanau, Orang Asal, anda semua berhak mengecapi kemakmuran dan kejayaan di dalam negara ini,” katanya.

Beliau turut melahirkan keyakinan jika WKB2030 dilaksanakan dengan betul, ia akan menjadi model penyelesaian kepada masalah ketidakseimbangan global.

Sementara itu, pada majlis sama, Muhyiddin turut melancarkan portal ‘Makmur Bersama’ yang direka khusus untuk membolehkan rakyat memberikan input, maklum balas dan cadangan berkenaan dengan WKB2030.